

Kertas 1

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

1. Apakah matlamat penubuhan Independence of Malayan Party (IMP) selepas tahun 1949?
 (BT m.s. 173) TP2 ARAS: R
2. Parti politik berikut ditubuhkan sebelum kemerdekaan negara ini.
 (BT m.s. 173) TP3 ARAS: S

Parti politik	Pengasas
Malayan Chinese Association (MCA)	Tan Cheng Lock
Malayan Indian Congress (MIC)	John Thivy

Apakah matlamat yang didokong oleh pemimpin parti tersebut?

- A Mewujudkan pentadbiran berasaskan kaum
- B Memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing
- C Memastikan golongan bukan Melayu diberi hak yang sama
- D Bekerjasama dengan semua kaum menuntut kemerdekaan

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

3. Kerajaan British telah mengemukakan prasyarat penting yang mesti dipatuhi sebelum memberikan kemerdekaan kepada negara kita.
 (BT m.s. 174)
4. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dianggotai oleh pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.
 (Buku Teks: m.s. 174-175) TP2 ARAS: R
5. Apakah sumbangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ke arah perpaduan?
 (BT m.s. 177) TP4 ARAS: S

- A Persetujuan mewujudkan satu parti politik bagi semua kaum
- B Persetujuan UMNO membuka keahlian kepada orang bukan Melayu
- C Persetujuan pemimpin Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan
- D Persetujuan terhadap hak dan kedudukan yang sama bagi semua kaum

7.3 Sistem Ahli

6. Sistem Ahli dibentuk bagi memenuhi dasar dekolonisasi British.
 (BT m.s. 178) TP2 ARAS: S KION 8PM 2021
7. Senarai berikut menunjukkan sebahagian anggota Sistem Ahli.
 (BT m.s. 179) TP4 ARAS: S

- Dato' Onn Jaafar
- E.E.C. Thuraisingham
- H.S. Lee

Siapakah yang melantik ahli-ahli tersebut?

- A Gabenor British
- B Raja-raja Melayu
- C Tokoh masyarakat
- D Pesuruhjaya Tinggi British

7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

8. Senarai berikut menunjukkan sistem persekolahan yang wujud sebelum merdeka.
 (BT m.s. 180) TP4 ARAS: T

- Sekolah Melayu
- Sekolah Tamil
- Sekolah Cina
- Sekolah Agama

Apakah kesan sistem tersebut kepada negara?

- A Masalah kekurangan guru
 - B Perpaduan kaum sukar dicapai
 - C Peluang pekerjaan berkurangan
 - D Masalah buta huruf berkurangan
9. Apakah objektif Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
 (BT m.s. 183) TP4 ARAS: S KION 8PM 2021
- I Membina lebih banyak pusat bahasa
 - II Sistem persekolahan yang sama bagi semua kaum
 - III Kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan
 - IV Mewajibkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7.5 Penubuhan Parti Politik

10. Konvensyen berikut diadakan pada bulan Ogos 1954.

Peristiwa	Penganjur
Konvensyen Kebangsaan	UMNO – pimpinan Tunku Abdul Rahman MCA – pimpinan Tan Cheng Lock

Apakah isu yang diketengahkan dalam konvensyen tersebut?
 (BT m.s. 187) TP4 ARAS: S

- A Penubuhan parti politik baharu
- B Persetujuan terhadap syarat pilihan raya
- C Bantahan terhadap Perlembagaan Rakyat
- D Mendesak British mengadakan pilihan raya